

Penularan coronavirus

# 'Tambah segera stok topeng muka'

KPDNHEP ambil tindakan tegas peniaga naikkan harga

Oleh Mohd Roji Kawi, Mohamed Farid Noh, Noor Atiqah Sulaiman dan Zuliaty Zulkiffli  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengarahkan pengeluar topeng muka meningkatkan bekalan di kawasan berdepan kekurangan barangan terbabit dengan segera.

Pada masa sama, KPDNHEP menegaskan kebimbangan masyarakat terhadap penularan jangkitan coronavirus 2019-nCoV hingga mendorong peningkatan permintaan terhadap topeng muka, tidak wajar diambil kesempatan oleh peniaga dengan menaikkan harga barangan itu se-

suka hati.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution, berkata kementerian kini memantau perkembangan itu secara dekat dan akan mengambil tindakan sewajarnya.

Beliau menegaskan, ketika ini bekalan topeng muka masih mencukupi dalam pasaran dan tiada laporan mengenai kenaikan harga, sebaliknya masih di bawah paras kawalan.

"Kami memantau secara dekat isu ini. Bila terima laporan mengatakan bekalan topeng muka berkenaan berkurangan, kita akan terus berurusan dengan pengeluar tempatan atau import supaya mempertingkatkan jumlah pengeluaran.

"Sebelum terjadinya insiden ini (2019-nCoV) bekalannya masih mencukupi. Sekarang bila mempunyai permintaan, sudah pasti isu kenaikan harga topeng muka akan berlaku.

"Namun, kita sudah maklumkan sebelum ini topeng muka itu di bawah harga kawalan. Sebarang isu kenaikan, penguat kua-

sa KPDNHEP tidak akan mengambil mudah hal berkenaan. Adalah tidak wajar peniaga mengambil peluang di atas kebimbangan masyarakat," katanya selepas menghadiri perhimpunan bulanan kementeriannya di sini, semalam.

Saifuddin berkata, pihaknya juga menerima arahan daripada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Is-

**Kita akan terus berurusan dengan pengeluar tempatan atau import supaya mempertingkatkan jumlah pengeluaran.**

**Saifuddin Nasution, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna**

mail, dua hari lalu supaya membuat pemantauan harga dan bekalan topeng muka.

"Kami mengambil langkah perlu mengenai isu ini kerana ketutamaan kami dari aspek penguatkuasaan kawal selia harga," katanya.

Sementara itu, tinjauan mendapati selain topeng muka, permintaan pencuci tangan juga semakin laris dalam pasaran.

Tinjauan di beberapa farmasi sekitar Alor Setar, mendapati topeng muka dijual pada harga di antara 40 sen hingga 80 sen sekeping dan pelanggan perlu membuat tempahan jika mahu dalam kuantiti banyak.

Selain itu, bahan pencuci tangan juga didapati habis dijual di pasaran selepas orang ramai mulai bimbang jika berlaku jangkitan penyakit berkenaan.

Kakitangan kerajaan, Azizan Md Desa, 45, mendakwa terpaksa mengunjungi lima farmasi sebelum dapat membeli topeng muka untuk kegunaan keluarganya.

"Saya beli topeng muka untuk

keluarga, terutama anak yang masih kecil kerana mereka terdedah kepada keadaan di luar yang boleh menjejaskan kesihatan.

"Harga pula agak mahal berbanding biasa iaitu hanya 30 sen sekeping sebelum ini, mungkin disebabkan banyak permintaan," katanya.

Sementara itu, tinjauan di Kuching, mendapati beberapa farmasi sekitar bandar raya itu sudah kehabisan stok topeng muka sejak dua hari lalu susulan peningkatan pembelian oleh orang ramai.

Pemilik farmasi ditemui mendakwa membuat tempahan daripada pembekal dan dijangka menerima stok baharu hari ini.

Di **Johor Bahru**, permintaan topeng muka termasuk jenis N95, meningkat mendadak selepas coronavirus 2019-nCoV disahkan dibawa pelancong China dari Wuhan yang melancong ke Johor.

Tinjauan di beberapa farmasi sekitar kawasan Larkin, Tampoi dan Perling mendapati topeng muka sudah kehabisan stok sejak Ahad lalu.

HARI :  
TARIKH :  
M/SURAT :

RABU  
29/1/2020  
5